

Soalan 1-7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Semangat _____ dan persaudaraan perlu dipupuk tanpa mengira kaum dan bangsa.
A. toleransi
B. perpaduan
C. perkauman
D. persefahaman
2. Jinny membuat laporan polis setelah beberapa kali _____ oleh seorang lelaki yang tidak dikenali.
A. diminta
B. disuruh
C. diugut
D. diarah
3. Sherly sangat terkejut mendengar berita kemalangan yang menimpa suaminya sehingga tiada _____ perkataan pun yang terluah daripada mulutnya.
A. sebaris
B. sepatah
C. sepucuk
D. sepotong
4. Ilham untuk penulisan novelnya _____ secara tiba-tiba apabila dia terjaga daripada tidur pada waktu malam.
A. terbit
B. datang
C. pulang
D. terpacul
5. Lister cuba mententeramkan perasaan isterinya yang sedang _____.
A. Bersedih
B. kesedihan
C. disedihkan
D. menyedihkan
6. _____ iban pada zaman dahulu sanggup menggadaikan nyawa mereka daripada menyerah kalah kepada pihak musuh demi mempertahankan negara.
A. Perwira
B. Seniman
C. Pendekar
D. Pahlawan
7. Persembahan Falvin yang _____ mendapat tepukan gemuruh daripada para penonton.
A. menarik
B. bertenaga
C. mempesona
D. bersemangat

Soalan 8-14

Ayat-ayat berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

8. Internet merupakan saluran komunikasi yang paling penting
A B
terutamanya kepada golongan
C
remaja. Tiada kesalahan.
D
9. Ayah sering pulang lewat ke rumah
A
kerana dia terjerumus dalam
B C
kesesakan lalu lintas.
Tiada kesalahan.
D
10. Dalam usaha menempah kejayaan,
A
pelajar hendaklah bersungguh-
B
sungguh mengulang kaji pelajaran
mereka. Tiada kesalahan.
C D
11. Pendatang haram sukar memasuki
A
pengairan kita kerana kawalan
B C
ketat oleh polis marin.
Tiada kesalahan.
D
12. Penyanyi baharu itu mula dikenali
ramai dengan lagu yang
A
berunsurkan ketuhanan.
B C
Tiada kesalahan.
D
13. Saya dan rakan-rakan telah
A
mengadakan perkhemahan di
B
hutan lipur yang terkenal di negara
C
kita. Tiada kesalahan.
D
14. Lelaki yang bersenjatakan sebatang
A B
parang itu menghayun-hayunkan
C
parangnya untuk mengancam pihak
p
p. polis. Tiada kesalahan.
D

Soalan 15-17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

15. I Pandangannya yang *tajam* menakutkan saya.
II Atuk selalu mengasah parangnya agar *tajam*.
III Perkataan yang *tajam* itu telah mengguris hati saya.
IV Kritikan pengarang tentang penulisan buku itu sungguh *tajam*.
A. I dan II sahaja
B. III dan IV
C. I, II dan IV
D. II, III dan IV sahaja
16. I Bunga yang *kembang* pada pagi itu amat cantik.
II Akibat makan terlalu banyak, badan Sabariah menjadi *kembang*.
III Span yang direndamkan di dalam air akan menjadi *kembang*.
IV *Kembang* hati Mala apabila semua orang memuji kekacakan suaminya.
A. I, II dan III sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV
17. I Pengarah urusan itu telah *menolak* cadangan timbalannya.
II Bayi dalam kandungan itu *menolak* perut ibunya.
III Kami akan *menolak* ke Tapah pada pagi esok.
IV Fahmi *menolak* kotak itu ke tepi dinding.
A. I dan IV sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja

Soalan 18-21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin tidak**. Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

18. Ibu bapa mungkin menjadi faktor penyumbang kepada masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja.
A. faktor sumbangan pada masalah
B. faktor penyumbang pada masalah
C. faktor menyumbangkan pada masalah
D. faktor penyumbang kepada masalah
19. Mi goreng amat sesuai dihidang bersama teh panas pada waktu pagi sebagai sarapan.
A. amat sesuai dihidang bersama dengan
B. amat sesuai sekali dihidang bersama
C. amat sesuai dihidangkan dengan
D. amat sesuai dihidang bersama
20. Encik Zainudin memberi anaknya sebuah payung untuk dibawa ke sekolah kerana musim panas dijangka berpanjangan.
A. memberikan anaknya sekaki payung
B. memberi anaknya selaras payung
C. memberi anaknya sekaki payung
D. memberi anaknya sebuah payung
21. Ali belajar bersungguh-sungguh demi untuk kebahagiaan keluarganya.
A. demi bahagia
B. demi kebahagiaan
C. demi untuk membahagiakan
D. demi untuk kebahagiaan

Soalan 22-24

Pilih ayat yang mengandungi maksud yang sama atau maksud yang hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22. **“Jangan biarkan anak-anak bermain seorang diri di luar rumah,” kata Puan Leha kepada Puan Ana.**
- A. Puan Leha mengingatkan Puan Ana agar tidak membiarkan anak-anaknya bermain di luar rumah tanpa sesiapa menemankannya.
 - B. Puan Ana menasihati Puan Leha supaya membiarkan anak-anaknya bermain di luar rumah bersama-sama kawan-kawannya.
 - C. Puan Leha dan Puan Ana tahu bahawa membiarkan anak-anak bermain seorang diri diluar rumah adalah berbahaya.
 - D. Puan Leha dan Puan Ana diingatkan agar tidak membiarkan anak-anak mereka bermain seorang diri di luar rumah.
23. **Danial tinggal bersama-sama datuk di kampung sementara ayah dan ibunya pergi menunaikan fardu haji di Mekah.**
- A. Ketika ibu dan bapanya berada di Mekah untuk menunaikan fardu haji, Danial tinggal di kampung bersama-sama datuknya.
 - B. Ketika ayah dan ibu pergi menunaikan fardu haji, Danial tinggal bersama-sama datuknya di sebuah kampung di Mekah.
 - C. Ayah dan ibu Danial meninggalkan Danial dan datuknya di kampung kerana ingin menunaikan haji di Mekah.
 - D. Ayah dan ibu Danial tinggal di kampung sementara datuknya pergi ke Mekah untuk mengerjakan haji.

24. **Kita janganlah suka menghina orang kerana setiap manusia itu tidak sempurna.**
- A. Kita dinasihatkan agar tidak menghina orang yang tidak sempurna kerana perbuatan itu adalah tidak baik.
 - B. Sikap suka menghina orang lain akan menjadikan kehidupan seseorang itu kurang sempurna.
 - C. Setiap manusia tidak sempurna. Oleh itu, janganlah kita suka mengeji orang lain.
 - D. Orang yang suka menghina orang lain akan menjadikan dirinya tidak sempurna.

Soalan 25-27

Pilih ayat-ayat yang betul.

25. I Jualan murah itu mendapat sambutan luar dugaan daripada pengguna-pengguna.
II Jika air sungai melimpah, Kampung Padang Belalang pasti akan dilanda banjir.
III Sejak di kejadian itu, Aida tidak lagi mengganggu rakan sebiliknya.
IV Sebuah rantai dihadiahkan oleh Encik Daud kepada isterinya.
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. II dan III sahaja
 - D. II dan IV sahaja

26. I Berpuluh-puluh ekor kambing
peliharaan Pak Mail disyaki dicuri
malam tadi.
- II Novel-novel hasil tulisan Syamsul
Akmal begitu laris dipasaran
kerana diminati oleh golongan
remaja.
- III Oleh kerana cuaca mendung,
Halimin tidak jadi keluar rumah
untuk bermain bola sepak di
padang bersama-sama rakan-
rakannya.
- IV Sebelum anak perempuannya
pulang dari sekolah, Mak Leha
cepat-cepat menyenduk nasi dan
meletakkannya di bawah tudung
saji.
- A. I dan II sahaja
B. III dan IV sahaja
C. I, II dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja
27. I Pak Abu telah memperisterikan
Aminah sebagai suri hatinya.
- II Menyuruh Eliza ke kedai sebelum
ke rumah nenek di Taman
Melawati.
- III Pembabitan pihak polis dalam
menangani masalah disiplin
pelajar amatlah dialu-alukan.
- IV Rakyat sebenarnya mahu kerajaan
membetulkan mutu perkhidmatan
kesihatan negara.
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja

Soalan 28-30

*Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi
ayat-ayat yang berikut.*

28. Peribahasa yang sesuai untuk
menggambarkan pasangan pengantin
yang sama cantik dan sama padan
ialah...
- A. bagai pinang di belah dua.
B. seperti lembu dicucuk hidung.
C. pipit hendak menjadi enggang.
D. bunga disunting, perdu dibuang.
29. Peribahasa yang berikut berkaitan
dengan sikap tidak mengenang budi
dan melupakan orang yang berbuat
baik kepada kita, **kecuali**
- A. seperti kacang lupakan kulit.
B. seperti tikus jatuh ke beras.
C. habis madu sepah dibuang.
D. seperti ulat lupakan daun.
30. Air dicencang tidak akan putus. Carik-
carik bulu ayam, lama-lama
bercantum juga.
Peribahasa ini bermaksud
- A. melakukan sesuatu untuk kebaikan
diri sendiri sahaja.
B. berusaha bersungguh-sungguh
untuk mencapai kejayaan.
C. melakukan kerja yang sia-sia dan
tidak mendatangkan faedah.
D. sesuatu persengketaan tidak
mungkin dapat memutuskan tali
persaudaraan.

Soalan 31-35

Baca pantun dibawah dengan teliti , kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PANTUN JOGET PAHANG

Dari Melaka pergi ke Pahang,
Singgah di Johor beli barangan;
Kami mengucapkan selamat datang,
Apa yang kurang dikeji jangan.

Negeri Pahang aman sentosa,
Kaya dengan tumbuh-tumbuhan;
Niat dihati nak buat jasa,
Mudah-mudahan Tuhan kabulkan.

Pukul gendang kulit kerbau,
Dalam majlis tari-menari;
Kami ini daganglah merantau,
Mengharap belas orang disini.

(Dipetik daripada antologi Seuntai Kata
untuk Dirasa, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

31. Apakah yang harus dilakukan sekiranya ada tetamu bertandang ke rumah?
- A. Meminta mereka membawa hadiah
 - B. Meminta mereka pandai membawa diri
 - C. Menyambut mereka dengan iringan muzik
 - D. Menyambut kedatangan mereka dengan mesra
32. Maksud *Apa yang kurang dikeji jangan* dalam rangkap pertama pantun diatas ialah...
- A. mendiamkan diri jika ada kekurangan.
 - B. tetamu yang datang perlu merendah diri.
 - C. harapan agar tetamu berpuas hati dengan layanan yang diberikan.
 - D. segala kekurangan dan kelemahan tuan rumah tidak akan menjadi umpatan tetamu.
33. Imej alam yang digunakan dalam “Pantun Joget Pahang” ialah...
- A. tumbuh-tumbuhan.
 - B. Negeri Pahang.
 - C. barangan.
 - D. dagang.

- A. Bertanggungjawab
- B. Berprasangka baik

34. Tema “Pantun Joget Pahang” ialah
- A. berbuat baik sesama jiran.
 - B. semangat muhibah ketika berada ditempat orang.
 - C. semangat perpaduan ketika berada ditempat orang.
 - D. memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.
35. Apakah nilai yang terdapat dalam pantun diatas?
- C. Menyayangi
 - D. Baik hati

Soalan 36- 40

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Prosa Tradisional- Puteri Buluh Betung

Maka keluarlah dari sana Raja Ahmad itu. Tiba-tiba sampailah ia ke negerinya. Setelah datanglah ia ke istana, maka Tuan Puteri pun berdiri di pintu istana mengalu-alukan Raja Ahmad datang. Maka ujar Raja Ahmad akan Tuan Puteri, “Ayuhai adinda Tuan Puteri, semasa hamba pergi berburu itu, seekor perburuan pun tiada hamba peroleh, melihat perburuan pun hamba tiada, melainkan hamba bertemu dengan sebuah surau di tengah rimba belantara, maka ada seorang orang tua dalam surau itu; maka hamba memberi salam kepada orang tua itu maka disahuti salam hamba itu. Maka hamba ceritakan kepadanya akan hal saudara hamba mendapat puteri dalam rebung betung itu. Maka ujarnya orang tua itu, “Jikalau tuan hendak akan anak, baiklah beri hamba tunjukkan dia akan tuan. Nantilah tuan hamba disini barang sesaat.” Maka hamba nanti, maka pada saat itu juga datanglah seekor gajah terlalu amat besar. Maka ada seorang kanak-kanak duduk di atas kepalanya. Dimandikannya ia ke sungai; setelah sudah dimandikannya, maka dihantarkannya ke tebing sungai itu. Maka pergilah ia pula memandikan dirinya. Setelah sudah ia mandi, maka dimuatkannya pula akan kanak-kanak itu diatas kepalanya, maka dibawanya berjalan ke rimba; demikianlah penglihatan hamba. Maka ujar Tuan Puteri, “ Ya Tuanku, muslihatkan apalah kiranya akan kanak-kanak itu.” Maka Raja Ahmad pun keluarlah dari istananya menghimpunkan segala lasykarnya. Apabila sudah berhimpun sekaliannya datang menghadap Raja Ahamad, maka diceritakannya perihal kanak-kanak itu yang di kepalanya gajah itu pada segala lasykarnya hendak berupayakan kanak-kanak itu di kepala gajah itu.

(Dipetik daripada prosa tradisional “Puteri Buluh betung” antologi Seuntai Kata untuk Dirasa, Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

36. Apakah yang ditemui oleh Raja Ahmad semasa berburu di hutan?
- Baginda bertemu sebuah surau
 - Baginda melihat seekor gajah besar
 - Baginda menjumpai seekor pelanduk
 - Baginda terjumpa seorang kanak-kanak
37. Mengapakah tuan puteri berkata “Ya Tuanku, muslihatkan apalah kiranya akan kanak-kanak itu,” kepada Raja Ahmad?
- Membuat tipu helah untuk mendapatkan gajah dan kanak-kanak itu
 - Membuat tipu helah untuk mendapatkan kanak-kanak itu
 - Gajah dan kanak-kanak itu telah menipu Raja Ahmad
 - Kanak-kanak itu pandai membuat tipu helah
- Masyarakat yang menghormati golongan yang lebih tua.
 - Masyarakat yang taat akan perintah Tuhan.
 - Masyarakat yang rajin berkerja.
 - Masyarakat yang suka berburu.
38. Apakah latar masyarakat yang tergambar melalui petikan diatas?
39. Dimanakah latar tempat peristiwa dalam petikan di atas berlaku?
- Di tebing sungai
 - Di dalam hutan
 - Di dalam surau
 - Di istana
40. Bagaimanakah kesudahan cerita “Puteri Buluh Betung”?
- Raja Ahmad mendapat bakal penggantinya.
 - Raja Ahmad dan Raja Muhammad telah bebasan
 - Raja Ahmad akhirnya mendapat seorang putera.
 - Raja Ahmad dan Raja Muhammad bergaduh berebutkan kanak-kanak itu.

TINGKATKAN USAHA
KAMU BOLEH!!!

SULIT
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2008
1 jam

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
SELIRIK

PEPERIKSAAN BULAN OGOS 2008

BAHASA MELAYU 1
TINGKATAN 2

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan, dan 9 halaman bercetak.*
- 2. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan , iaitu **A, B, C** dan **D**.
Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja.*
- 3. Tandakan jawapan anda dalam kertas jawapan objektif.*
- 4. Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

JAWAPAN BM TINGKATAN 2.
PEPERIKSAAN BULAN OGOS.

1. B
2. C
3. B
4. B
5. A
6. D
7. B
8. D
9. C
10. A
11. B
12. D
13. D
14. B
15. C
16. B
17. A
18. D
19. C
20. C
21. B
22. A
23. A
24. C
25. A
26. C
27. B
28. A
29. B
30. D
31. D
32. D
33. A
34. B
35. D
36. A
37. B
38. A
39. D
40. B